

11/04/1998

Sikap materialistik boleh hancurkan Umno

Kassim Ahmad

KEBANYAKAN kita takut kepada kebenaran dan bimbang untuk menghadapi kenyataan. Tetapi, seperti kata Nabi Isa, kebenaran akan membebaskan kita. Saya sudah banyak kali, sejak beberapa tahun dulu, memperingatkan pemimpin dan anggota Umno bahawa Umno akan hancur jika ia melepaskan perjuangan bangsa dan menjadi materialistik. Hari ini Presiden Umno sendiri telah mengaku akan kenyataan ini. Sebahagian besar pemimpin Umno daripada peringkat atas hingga ke bawah tidak lagi memikirkan perjuangan bangsa; mereka memikirkan habuan materialistik.

Inilah kenyataan yang berada di hadapan kita. Kita harus menghadapinya dengan berani.

Soalan pertama yang harus kita tanya diri kita ialah mengapakah Umno jadi begini? Jawabnya, kerana Umno tidak mempunyai satu landasan perjuangan yang jelas. Lima puluh dua tahun dulu Umno diwujudkan untuk menjawab cita-cita masyarakat Melayu untuk kemajuan dan kemerdekaan. Ideologi kebangsaan Melayu inilah yang menjadi tonggak perjuangan Umno. Oleh kerana kelemahan yang wujud dalam pimpinan Umno pada ketika itu, ideologi ini tidak diasas dan dikembangkan menjadi suatu wadah perjuangan yang jelas dan mantap untuk membangunkan bangsa. Ideologi ini terumbang-ambing antara faham liberalisme Barat yang berkompromi dengan kolonialisme Inggeris.

Presiden Umno dan Perdana Menteri yang kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak, cuba mengatasi kelemahan ini dengan membuat beberapa perubahan yang besar, seperti konsep parti memerintah kerajaan, kerjasama kaum dalam sebuah gabungan besar, Barisan Nasional, yang dipimpin Umno, Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pelajaran Nasional, dasar luar yang berkecuali dan penghasilan pertanian melalui konsep Buku Hijau. Malangnya, beliau meninggal dunia sebelum dapat menyelesaikan kerja-kerja besarnya.

Dalam keadaan dunia globalisasi yang dicorakkan oleh ideologi liberalisme yang menang selepas Perang Dingin dengan blok komunis, ideologi Umno, seperti yang ditakrifkan oleh pimpinan Dr Mahathir ialah pragmatisme. Pragmatisme boleh disifatkan sebagai ideologi yang bukan bersifat ideologi. Ia suatu fahaman yang mahu mencari kesempatan daripada semua keadaan tanpa dihalang oleh apa-apa tanggapan ideologi. Di bawah kerangka pragmatisme inilah, Malaysia keluar daripada kemerosotan ekonomi awal tahun 1980-an serta mencapai pertumbuhan ekonomi yang `menakjubkan', bersama-sama dengan `harimau-harimau Asia' lain dari 1988 hingga 1996. Sekarang, sejak Julai-Oktober tahun sudah, `ekonomi-ekonomi harimau' ini, seperti kata Perdana Menteri kita, tidak mengaum lagi!

Soalan kedua yang harus kita tanya ialah betulkah pragmatisme, atau dengan perkataan lain, ideologi liberalisme yang telah menghancurkan Umno, seperti yang didakwa oleh penulis ini? Pada tahun-tahun 1989-90 seluruh dunia telah menyaksikan suatu peristiwa yang amat hebat, iaitu keruntuhan sistem komunis. Seperti yang kita tahu, ideologi komunis ialah satu daripada dua ideologi besar yang menguasai dunia selepas Perang Dunia Kedua. Ia runtuh kerana suatu kelemahan dalaman yang pokok, iaitu menganggap manusia sebagai binatang yang tidak berfikir serta menafikan kreativiti manusia. Segala sesuatu ditentukan oleh parti dan kerajaan. Itulah punca keruntuhannya.

Liberalisme, ideologi yang menang dalam perlawanan dengan komunisme dalam zaman Perang Dingin, juga berasal daripada pokok yang sama, iaitu materialisme. Sementara komunisme mengambil jalan kolektivisme dan memberi

kuasa kepada kolektif (dengan parti dan Kerajaan bertindak atas nama kolektif itu), liberalisme mengambil jalan individualisme dan memberi kuasa kepada individu sehingga pada tahap akhirnya individu mengancam keselamatan kolektif atau rakyat. Inilah yang telah terjadi kepada ekonomi kita (individu-individu penyangak spekulator, seperti George Soros, diberi kebebasan untuk menghancurkan kehidupan berjuta-juta manusia atas nama 'pasaran bebas'). Inilah juga yang telah terjadi kepada Umno. Inilah punca yang sedang menghancurkan sistem liberal. Inilah punca yang sedang menghancurkan Umno.

Soalan akhir yang patut kita jawab ialah apakah yang patut kita buat? Kita harus ingat bahawa soalan ini untuk kita semua. Ini bukan soalan untuk Umno saja. Jika Umno hancur dan tiada ganti mengambil alih tempat dan peranan Umno, kita semua akan turut hancur. Setidak-tidaknya, suatu keruntuhan besar akan berlaku, dan sekurang-kurangnya satu generasi akan terkorban.

Kita tidak dapat mengelak keruntuhan itu. Sekarang pun ia sedang berlaku, dalam bentuk materialisme dalam Umno, dalam bentuk krisis ekonomi kita yang sedang berlaku, dalam bentuk gejala sosial yang sedang melanda masyarakat kita, dan dalam bentuk keruntuhan moral di kalangan pimpinan. Kita tidak dapat mengelak keruntuhan ini, kerana keruntuhan ini adalah hasil logikal daripada perubahan kita dalam masa dua, tiga dekad yang lalu.

Apa yang harus kita buat sekarang? Pada dasarnya, saya seorang optimis. Saya percaya kepada kebolehan manusia yang kreatif untuk mengatasi masalahnya. Tetapi dalam keadaan Malaysia hari ini, dengan keadaan pimpinan masyarakat kita yang terikat kepada ideologi liberal dan 'demokrasi' Barat, saya tidak nampak ada suatu cahaya di hujung terowong gelap yang sedang kita lalui sekarang. Kita akan berlaga satu sama lain, kita akan jatuh dan sebahagian besar kita akan mati lemas sebelum kita dapat keluar daripada kegelapan ini.

Namun demikian, Tuhan mengajar kita supaya jangan berputus asas daripada kerahiman-Nya. Tuhan itu Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Kita ingin menyelamatkan seberapa banyak yang boleh daripada kehancuran. Setelah sesat jalan, baliklah kita ke pangkal jalan. Bukan Jepun, atau Eropah, ataupun Amerika Syarikat yang boleh menyelamatkan kita. Mereka sendiri, seperti kapal Titanic, yang didakwa oleh sang angkuh Empayar Inggeris, tidak boleh tenggelam, akan tenggelam juga. Yang akan menyelamatkan kita ialah Tuhan Yang Maha Berkuasa. Mintalah petunjuk daripada-Nya.

Satu perkara kita boleh buat. Berundinglah sesama kita dengan jujur dan rendah hati untuk mencari jalan keluar daripada malapetaka besar ini. Elaklah daripada menuduh.

Duduklah di meja dan berunding seperti saudara. Ambil petunjuk daripada Tuhan yang kita sembah. Carilah muafakat untuk membuat kebaikan bagi bangsa kita dan bagi keturunan kita akan datang. Inilah satu-satunya tindakan yang akan menyelamatkan kita. Kita harus ambil tindakan ini sekarang.

(END)